


Creative Space pemangkin seni lukis Brunei



**CATATAN
KANVAS KOYAK**

**DR BAHARUDDIN
MOHD ARUS**

UB 13-8-2017 B2

MINGGU lalu penulis telah menyeberang sempadan dan memasuki negara Brunei dengan tujuan untuk meninjau perkembangan seni lukis di negara tetangga, Brunei Darussalam.

Tujuan utama ke sana adalah untuk membuat pemerhatian berkaitan perkembangan seni di sana. Perjalanan juga sangat menyeronokkan apabila kami sampai ke Bandar Seri Begawan sudah agak lewat. Pada keesokan harinya

saya telah bertemu beberapa orang pelukis tempatan seperti Hj Ilham Rohaidi Hj Mashud, dan juga kurator Galeri Dermaga di Raja di Bandar Seri Begawan sebuah galeri di bawah Jabatan Muzium Brunei.

Penulis juga dapat bertemu dengan mantan pengarah muzium Brunei Pg Dr Karim Pg Osman, Awg Hj Zainal Ibrahim seorang pelukis batik yang terkenal di Brunei.

Melalui pertemuan itu, beberapa kemajuan yang menggalakkan berkaitan dengan perkembangan reka bentuk batik hasil dari rekaan beliau sempat dikongsikan. Beberapa pameran kain batik serta fesyen batik telah diadakan di Kuala Lumpur, Kuching dan Kota Kinabalu.

Susulan dari pameran tersebut beliau telah mendapat banyak tempahan dari peminat tempatan. Di samping itu beliau juga menghasilkan karya lukisan batik sebagai meneruskan minat beliau.

Di lokasi restoran kepunyaan anak Malaysia, di Restoran Amanah Haris sambil bersarapan pagi penulis juga berpeluang bertemu dengan dua

orang pelukis Brunei Hj Zainuddin Ibrahim dan Pg.Hj. Mohd Saffin Pg. Hj Yusoff.

Kedua-dua mereka sangat aktif menghasilkan karya seni lukis terutamanya pemandangan landskap tempatan dan selalu mengambil bahagian dalam pameran dalam dan luar negara. Di samping itu penulis berpeluang melawat sebuah galeri persendirian yang dipunyai Hj Osman Muhammad, seorang pelukis tegar dan sahabat lama yang sangat aktif dalam mengangkat seni lukis negara Brunei Darussalam.

Hj Osman Muhammad telah lama berkecimpung dalam arena seni lukis dalam dan luar negara. Penulis pernah merujuk beliau dalam buku *Modern Artist of Brunei Darussalam* pada tahun 2013 berkaitan penglibatan beliau secara aktif sebagai seorang seniman yang komited serta pensyarah seni lukis di Universiti Brunei Darussalam dan juga pemilik sebuah galeri di pekan Sengkurong, Brunei yang diuruskan oleh anak beliau Osveanne Muhammad.

Hj Osman mempunyai penglibatan yang sangat istimewa. Mempunyai pendidikan seni lukis di Central School of Art and Design London, pada tahun 1981 hingga 1984 berkelulusan dalam bidang reka bentuk kostum dan pementasan teater.


Beliau telah banyak menghasilkan karya berbagai-bagai genre umpamanya potrait, landskap, *graphic design* dan arca. Karyanya menjadi koleksi di beberapa buah galeri di luar negara Brunei umpamanya di Singapura, Malaysia dan juga Eropah. Beliau boleh dianggap sebagai pelukis perintis negara Brunei dan sentiasa lebih proaktif dalam mengangkat seni lukis di negara tersebut.

Arca beliau terdapat di Canning Garden Singapura sebagai salah satu arca di Laman Arca Asean di Singapura bertajuk *Kebersamaan* atau *Together*. Dari media besi nyahkarat (*stainless steel*), kerjaya seni lukisnya menjangkau lebih dari tiga puluh lima tahun dalam bidang media dan seni kreatif. Pernah menjawat sebagai pengarah Radio dan Televisyen Brunei (RTB).

Ketika melawat di Galeri *Creative Space*, penulis berpeluang membuat temubual dan pemerhatian di pameran solo yang baru seminggu dirasmikan. Sebagai pembuka tirai perasmian galeri tersebut, satu koleksi hasil karya retrospektif beliau telah disusun oleh anaknya.

Siri karya beliau yang bermula pada tahun 1979 berbentuk lakaran serta media kering seperti arang dan pastel kemudian diikuti pula dengan pameran hasil karya catan air dan juga beberapa buah karya dari media catan minyak.

Menurut Hj Osman, karya yang dipamerkan hanya separuh dari koleksi karya yang disimpan. Beliau bercadang untuk membukukan segala koleksi lakaran, dan catan air tidak lama lagi. Beliau juga memberitahu



PENULIS (kanan) bersama Tuan Hj. Osman Muhammad.

mula menghasilkan karya sejak bangku sekolah lagi dan menangi beberapa pertandingan peringkat kebangsaan.

Beliau juga mula menjual lukisannya sejak tahun 1970an lagi menerusi kolektor tempatan dan luar negara dan juga institusi tempatan seperti muzium dan jabatan kerajaan.

Menurut Hj Osman lagi, lakaran, lukisan dan catan air memberi peluang bagi merakam kejadian, peristiwa dan masa dengan cepat dan spontan. Oleh sebab itu beliau banyak menghasilkan lukisan catan air secara *plain air* kerana ia menjadikan beliau lebih telus dan jujur dalam berkarya.

Katanya lagi, sebelum berkecimpung dalam media catan air, beliau pada mulanya melukis dengan media catan minyak dan apabila dengan serius melukis dengan media air, beliau mendapati media air nampak senang untuk dihasilkan dan tidak perlu mempunyai tempat yang khas tetapi ia amat mencabar dan memerlukan ketekunan dan pengalaman yang luas bagi menghasilkan karya yang baik.

Sebagai seorang guru, Hj Osman telah berkhidmat

dengan Universiti Brunei Darussalam sebagai pensyarah jemputan dan bidang komunikasi dan reka bentuk grafik serta animasi sejak tahun 2012 lagi hingga kini.

Art Galeri Creative Space terletak di tingkat atas sebuah rumah kedai yang mempunyai keluasan seribu meter persegi telah ditubuhkan pada tahun 2013. Sebuah ruang pameran yang selesa dan bertempat di lokasi yang sibuk di sebuah bandar di Brunei.

Sebagai sebuah galeri persendirian yang baru, beberapa pameran kumpulan dan solo telah diadakan di galeri tersebut lebih lebih lagi tidak banyak terdapat galeri yang beroperasi di Brunei.

Sudah tentu ruang pameran di galeri ini sangat diperlukan dan bermakna kepada pelukis tempatan. Bagaimanapun terdapat sebuah galeri lagi yang bersaing dengan *Galeri Creative Space* iaitu *Rainforest Gallery* yang bukan sahaja membuka ruang pameran kepada pelukis tempatan ia juga menjadi ruang aktiviti bengkel lukisan kepada pelukis hujung minggu dan pelukis hobi.


Oleh itu *Galeri Creative Space* adalah galeri pameran maka ia menjadi pemangkin kepada perkembangan seni lukis di negara Brunei kerana galeri persendirian berupaya melonjakkan industri seni tempatan.

Galeri kerajaan tidak banyak dan peluang untuk mempromosi pelukis muda adalah agak sukar kerana peluang mendapat tempat pameran bukanlah mudah.

Semasa perbualan kami begitu rancak, penulis juga mencadangkan kepada Tuan Hj Osman agar pelukis kedua buah negara Malaysia dan Brunei dapat peluang membuat pameran bersama di *Galeri Creative Space*.

Jika ia berlaku di masa hadapan maka matlamat beliau mengadakan galeri tersebut akan termakbul kerana tujuan pembukaan galeri tersebut adalah menjadi pentas di mana seni lukis antarabangsa dapat beraksi di Negara Brunei Darussalam.

*****PENULIS merupakan Pensyarah Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).*****



SALAH satu lakaran Tuan Hj Osman yang dipamerkan.